MUKA SEPULUH

Minda Pengarang

Utama SOP tangani bencana, elak birokrasi

h pencemaran bahan kimia di Pasir Gudang, Johor tara yang memenuhi paparan utama media sejak minggu lalu. Selain kesan ke atas lebih 900 mangsa, uk mengundang penutupan 111 sekolah, cakap-cakap mengenai kisah di sebalik insiden itu khususnya oung soal kelemahan menangani krisis terbabit turut ri tumpuan. Pasti ramai ingin tahu cerita sebenar. tnya dakwaan kelemahan dalam soal kaedah insiden ani serta koordinasi tindakan agensi bertanggungja- bukan cakap-cakap kosong. Ia sebenarnya cukup me- an apabila yang bercakap bukan calang orang.

a Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia), Datuk Mohammad Hamdan Wahid, sebagai contoh akui kelewatan tindakan diambil menjadi punca kesan maran berulang, khususnya apabila bahan pencemaran dilupuskan selepas kejadian pertama. Walaupun di- n Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan ian negeri, Dr Sahruddin Jamal, kita percaya dakwaan erlu juga diteliti. Elok juga kalau semua dakwaan urus pematuhan atau pelanggaran prosedur operasi ard (SOP) dalam menangani insiden ini, diberi tumpuan a dalam bedah siasat nanti.

nilai insiden di Pasir Gudang, ramai sebenarnya mem- alkan, sama ada pihak berkuasa 'tersalah jangka' menilai sebenar pencemaran. Hasilnya, koordinasi tindakan diambil secara wajar dan penyebaran pencemaran dibendung sehingga masih mendatangkan impak da orang awam pada hari ketujuh. Mungkin ada be- a kata Hamdan mengenai kegagalan menguruskan sisa as kejadian pertama. Kenyataan beliau mengenai faktor inggi memindahkan sisa toksik, pula menarik perhatian den Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia ER), Piarapakaran S, yang menyatakan Seksyen 47 Akta iti Alam Sekeliling memberi kuasa kepada Jabatan Alam tar (JAS) untuk menuntut kos dan perbelanjaan.

pa yang pasti, kejadian di Pasir Gudang bukan yang ama di Johor. Pencemaran seperti ini pernah direkodkan ungai Gatom, Labis pada 2006 akibat pembuangan sisa ik Aluminium Dross. Cuma ketika itu lebih 300 penduduk ah berpindah segera. Timbul persoalan, kenapa tindakan a tidak diambil dalam kes di Pasir Gudang yang skala lebih ar? Apakah panduan SOP dalam kes di Pasir Gudang beza dengan Labis?

ta juga tertarik gesaan sesetengah pihak agar diisytiharkan urat susulan insiden pencemaran bahan kimia di Sungai Kim, yang sepatutnya sudah dikeluarkan beberapa hari . Kita puji tindakan kerajaan membawa cadangan itu untuk ahas di Dewan Rakyat, namun kenapa pada hari kelapan ru nak bincang. Bagaimanapun, Dewan Rakyat menolak ul itu kerana menganggap pencemaran sungai di Pasir udang masih pada tahap bukan bencana besar.

Kerajaan sebelum ini pernah isytihar darurat bencana erebu bagi seluruh daerah Muar dan Ledang di Johor. epatutnya mekanisme sama diguna pakai kali ini, kerana soal berkaitan bencana tidak perlu terlalu terikat kerenah bi- okrasi.

Hakikatnya kes pencemaran bahan kimia ini wajar membuka mata kita mengenai aspek pencegahan. Ketika ini, ada 252 kilang kimia di sekitar Pasir Gudang dan jika SOP pengurusan sisa tidak dipatuhi, tidak mustahil kita akan terus menerus membaca berita mengenai insiden seperti di Pasir Gudang ini di media.

Tiada toleransi penjenayah alam sekitar

Dari Kaca Mata

Prof Madya Dr Maizatun Mustafa
Pensyarah Undang-Undang Alam Sekitar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Gempar kini kejadian pembuangan sisa kimia secara haram di Sungai Kim Kim di Pasir Gudang, Johor yang menyebabkan ratusan pelajar serta guru dari beberapa sekolah, terpaksa menerima rawatan kerana terhidu gas toksik.

Kejadian ini tentu mencemaskan dan mengundang kegusaran serta kemarahan ramai pihak, apatah lagi membabitkan kesihatan awam, terutama kanak-kanak yang mungkin berdepan risiko jangka panjang yang serius.

Susulan kejadian ini, beberapa persoalan ditimbulkan, terutama berkaitan penguatkuasaan pelupusan sisa toksik dan tindakan yang boleh diambil ke atas pihak terbabit. Malaysia sebenarnya sudah lama mempunyai undang-undang itu.

Berbanding sisa pepejal atau cecair lain, sisa toksik yang dikenali di Malaysia sebagai buangan terjadual, memerlukan cara pelupusan khusus kerana ciri-cirinya yang berbahaya, berpotensi memberi kesan negatif kepada orang awam dan alam sekitar.

Pada masa ini, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 menyenarai 77 jenis buangan, sama ada dalam bentuk cecair, pepejal atau enap cemar yang mengandungi bahan kimia, logam berat, radiasi, patogen berbahaya atau toksik lain.

Peraturan ini mengguna pakai konsep 'buaian ke kubur' (iaitu daripada pengeluar hingga pelupusan akhir) untuk menjejaki sisa berkenaan dan menetapkan sisa toksik hanya boleh dilupuskan di premis dilesenkan dan perlu melalui proses terperinci.

Elak kos antara punca utama

Pada 2017, di Malaysia dianggarkan dua juta tan sisa toksik terhasil daripada perkembangan sektor industri, terutama industri kimia. Isunya mengapa sisa toksik dilupuskan secara haram? Beberapa faktor dikenal pasti dengan satu daripadanya ialah kos.

Demi mengelak membayar fi atau caj pelupusan, lesen atau levi sisa, ada pengeluar tergamak menghapuskan sisa toksik dengan membuangnya di tempat terbuka, tanpa mengambil kira kesan serius terhadap masyarakat dan persekitaran.

Dari segi perundangan, beberapa tindakan dapat ambil terhadap pihak terbabit. Melalui undang-undang alam sekitar, tindakan boleh dikenakan bukan sahaja terhadap pelaku, malah pengarah syarikat yang tidak mencegah pekerjanya daripada melakukan perbuatan itu.

Undang-undang menetapkan denda maksimum RM500,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya jika didapati bersalah.

Selain itu, pihak berkuasa boleh menyita dan melucut hak kenderaan digunakan dalam pelupusan buangan serta menuntut kos perbelanjaan bagi menghapuskan pencemaran itu.

Bagi pihak mangsa pula, tuntutan ganti rugi sivil boleh dilakukan terhadap pihak berkenaan jika mangsa dapat membuktikan bahawa kesakitan dialami berpunca dari sisa toksik berkenaan.

Sebenarnya, kejadian di Johor ini jelas menunjukkan pembuangan sisa toksik menyebabkan pihak berwajib dan mangsa terpaksa menanggung kos tinggi dari segi kesihatan, baik pulih ekosistem serta perbelanjaan ekonomi berkaitan.

Patuhi protokol pelupusan

Apabila kemudaratan terjadi, ia susah untuk dibaik pulih. Kejadian ini juga menunjukkan bahawa undang-undang sedia ada belum mampu membendung pelupusan sisa toksik secara lebih efektif.

Ada juga kelemahan dalam mengenal pasti keseriusan ancaman pencemaran terhadap kesihatan dan nyawa orang awam. Oleh yang demikian, prosedur operasi standard (SOP) perlu dipertingkatkan bagi membantu memaksimumkan kecekapan operasi dan sebagai langkah pencegahan segera.

Dari sudut penguatkuasaan, penting bagi agensi berkaitan memastikan ia dijalankan secara tegas serta mematuhi protokol piawaian ditetapkan.

Penguat kuasa perlu menggunakan pendekatan toleransi sifar, termasuk rampasan keuntungan daripada aktiviti haram demi menghapuskan insentif kewangan yang berkaitan aktiviti sisa haram.

Selain itu, perisikan dan teknik penyiasatan lain seperti forensik alam sekitar wajar digunakan bagi mengenal pasti semua pihak terbabit dalam kegiatan sisa haram dan mempertanggungjawabkan pihak yang melakukan kesalahan sepanjang rantaian sisa, daripada pengeluar dan pengangkutan hinggalah kepada pelupus.

Mungkin kaedah paling berkesan adalah menghapuskan pengeluaran sisa toksik melalui pembangunan teknologi alternatif agar dapat mengurangkan kesannya kepada kesihatan manusia dan alam sekitar secara jangka panjang.